

Beri statistik tanpa asas kukuh

Elak timbulkan rasa iri hati: PM

KUALA LUMPUR, Ahad -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berhati-hati apabila menyebut mengenai statistik, terutama yang mempunyai pelbagai andaian.

Menurutnya, perbuatan seumpama itu bukan saja boleh mengelirukan orang ramai serta tidak menguntungkan sesiapapun, malah boleh menimbulkan perasaan iri hati dan syak wasangka.

Beliau berkata, sebarang kenyataan yang menyentuh statistik di khalayak ramai, tanpa kajian menyeluruh dan asas yang kukuh, adalah perbuatan yang berbahaya kepada masyarakat.

"Janganlah kita ulangi kesilapan lalu kerana kcsannya kepada negara adalah buruk," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung ke-36 MCA, di sini hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat hendaklah mengelak melakukan sesuatu yang negatif yang boleh menjejaskan ekonomi negara.

Katanya, ini termasuk mengeluarkan

kata-kata yang tidak berasas serta tindakan tidak bertanggungjawab yang boleh mengurangkan keyakinan terhadap kestabilan dan keutuhan negara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ada sebilangan kecil rakyat Malaysia yang menjadi satu daripada punca keburukan ekonomi negara kerana tindak-tanduk mereka.

Pertumbuhan

"Sebaliknya, rakyat pelbagai kaum yang mendapat nikmat daripada kemajuan ekonomi sekarang, harus diberi ucapan tahniah kerana mereka tidak bertindak liar tetapi menjaga kestabilan politik yang menolong pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, walaupun kadar pertumbuhan 8.7 peratus tahun lalu mungkin sukar diatasi, kerajaan yakin ekonomi negara akan mencatat pertumbuhan melebihi enam peratus bagi beberapa tahun akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ke-

rajaan sebenarnya mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk merangka dasar ekonomi negara selepas 1990. tetapi menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) untuk memberi peluang kepada orang perseorangan dan pertubuhan menyatak pandangan mereka.

Katanya, kerajaan akan meneliti setiap perakuan yang dibuat oleh Mapen sebaik saja ia selesai menjalankan tugasnya.

Perdana Menteri juga berharap perhimpunan agung MCA kali ini akan menandakan perkembangan yang lebih kukuh bagi parti itu yang seterusnya akan menjamin sumbangan yang bermakna kepada keutuhan BN dan kerajaan.

Turut hadir di majlis perasmian perhimpunan itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba serta pemimpin parti-parti komponen BN termasuk Datuk Seri S Samy Vellu, Datuk Seri Lim Kheng Yaik, Datuk Leo Moggie dan Datuk K Pathmanaban.